

← KE IPOH

1 Kejadian berlaku di lorong kecemasan arah utara. Treler dipandu di lorong perlahan hilang kawalan lalu masuk ke lorong kecemasan

2 Treler yang mengalami masalah brek terbabas melanggar sisi empat kenderaan yang diletakkan di lorong berkenaan

3 Treler terus merempuh lapan pekerja iaitu enam berada di lorong kecemasan sementara dua lagi berada di luar penghadang jalan (atas rumput)

Pemandu tersepit mengalami cedera ringan

4 Empat maut selepas dirempuh dan diseret treler

Dua lagi pekerja turut cedera parah

Kelindan cedera parah kerana tercampak keluar

Dua pekerja tercampak ke longkang dan mengalami kecederaan parah

Lori kecil 1 tan Lori Propel 4x4 Triton Iswara

FAKTA

- Kejadian di KM294.1 Lebuhraya Utara Selatan selepas susur Gopeng
- Nahas berlaku jam 4.30 pagi
- Empat maut, empat mangsa parah
- Treler turut rempuh Proton Iswara, pacuan empat roda, van dan sebuah lori

Pekerja Propel dirempuh treler

Nahas ngeri awal pagi ragut empat nyawa, empat lagi cedera parah Sumber 22/11/12 MS2

GOPENG – Empat pekerja syarikat Projek Penyelenggaraan Lebuhraya Berhad (Propel) terbunuh manakala empat lagi cedera parah selepas digilis dan diseret sebuah treler dekat susur keluar ke bandar ini di Kilometer 294.1, Lebu Raya Utara Selatan, semalam.

Dalam kejadian mengerikan jam 4.30 pagi itu, treler tersebut hilang kawalan dan merempuh lapan pekerja yang sedang melakukan kerja-kerja penyelenggaraan kabel optik telefon kecemasan di lorong kecemasan lebu raya itu.

Sebelum itu, treler berkenaan merempuh empat kenderaan milik Propel dan Time Dotcom, iaitu sebuah kereta Proton Iswara, pacuan empat roda, van dan lori satu tan yang diletakkan di lorong kecemasan.

Tiga pekerja, Mohd Shafie Ismail, 56, dari Taman Shatin, Ipoh, Shaharuddin Abd Aziz, 51, dari Kuala Kangsar dan Mohd Hafez Yunos, 39, dari Kuala Lumpur, maut di tempat kejadian, manakala Ismady Mohd Rodzi, 32, dari Kulim, Kedah, meninggal dalam perjalanan ke Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB).

Azhan Ismail, 44, Mahyuddin Idris, 48, Shafudin Abdul Jalil, 31, Dino Azmi, 36 dan kelindan, Mohd Rozi Mat Sharif, 44, tercampak dari treler itu dan cedera parah. Pemandu treler terbabit cedera ringan.

Ketiga-tiga yang terbunuh dihantar ke rumah mayat, Hospital Kampar untuk bedah siasat, manakala mereka yang cedera parah dirawat di HRPB.



Keadaan lori yang diletakkan di lorong kecemasan hampir hancur sepenuhnya selepas dirempuh treler, semalam. Gambar kecil: Mangsa yang terbunuh.

Mangsa tersepit bawah treler

Ketua Polis Perak, Datuk Mohd Shukri Dahlan berkata, hasil siasatan mendapati treler berkenaan yang membawa makanan ringan dari Johor Bahru, Johor, menuju ke Ipoh didapati hilang kawalan sebelum me-

rempuh empat kenderaan dan lapan orang.

“Kemalangan itu berlaku di jalan lurus mendaki bukit, dalam keadaan hujan renyai, polis masih mengambil keterangan mangsa dan pemandu lori berkenaan.

“Seramai 13 anggota yang tiba dengan dua jentera dari Balai Bomba dan Penyelamat Gopeng dan Simpang Pulau membantu mengeluarkan mangsa yang tersepit di bawah treler.

“Sementara anggota polis pula


membantu mengawal lalu lintas,” katanya pada sidang media di Ibu pejabat Polis Kontinjen (IPK) Negeri di sini, semalam.

Katanya, pemandu lori berkenaan direman tiga hari untuk membantu siasatan.




Keadaan pacuan empat roda yang dirempuh treler membawa muatan makanan ringan.

Siner 20/11/12 MS 3.



Keadaan Azhan ketika mendapat rawatan di wad kecemasan, HRPB.



Rakan sekerja membantu mengangkat jenazah Ismady, semalam.

Mengegetar tengok mayat celah tayar

"Mengegetar saya melihat rakan-rakan tersepit di tayar treler dalam keadaan mengerikan sehingga saya sendiri tidak sanggup melihatnya," kata mangsa kemalangan terselamat, Dino Azmi, 36.

Dino, yang hilang empat rakan dalam kejadian itu berkata, dia bersama tujuh rakan lain sedang memulakan tugas pemasangan kabel optik di bahu jalan itu selepas kabel itu dicuri.

Katanya, kejadian itu berlaku sangat pantas dan mereka tidak sempat menyelamatkan diri dari dirempuh treler itu.

"Pernah berlaku kejadian seperti ini tidak lama dulu, tetapi kami sempat lari menyelamatkan diri setelah dengar bunyi kòn dilanggar.

"Kali ini, kami tidak dengar apa-apa kecuali bunyi brek dan bunyi dentuman akibat rempuhan pada kenderaan yang diletakkan tidak jauh dari kami. Saya tercampak ke dalam longkang berhampiran," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di wad kecemasan HRPB, di sini.

Dino berkata, dia berasa kejadian berkenaan sebagai mimpi kerana dia bersama Mahyuddin dan Ismady menikmati makanan bersama sebelum ke tempat kejadian.

"Saya dengar jeritan rakan-rakan yang ber-

gelimpangan atas jalan. Saya merangkak mendapatkan rakan-rakan yang tersepit di tayar treler itu.

"Saya tarik Ismady yang merintih minta tolong keluar dari bawah treler. Sambal memangkunya, saya hubungi ambulans untuk bawa dia ke hospital. Tidak sangka dia pun meninggal," katanya dalam nada sebak.

Abang niat berhenti kerja

Adik kepada Ismady, Mohd Fairuz, 26, berkata, abangnya pernah menyuarakan niat untuk berhenti kerja di syarikat terbabit kerana kekangan masa dan risiko dihadapinya.

"Arwah abang pernah cakap banyak kali hendak berhenti kerja kerana dia sedar risiko bekerja di lebuhraya selain terpaksa bersengkang mata pada malam hari. Niat itu tidak kesampaian.

"Kali terakhir saya bertemu arwah adalah pada jam 8 malam semalam (kelmarin) ketika keluar bekerja. Sepatutnya, saya bersamanya bekerja hari ini (semalam), tetapi saya ambil cuti," katanya.

Dia menyifatkan abangnya kuat bekerja untuk keluarga.

Jenazah mangsa disemadikan di Tanah Perkuburan Tasek, semalam.

Sinar 29/11/12/ms 4



Dino dibantu rakannya ke bilik mayat HRPB, untuk melihat jenazah Ismady.



Norazian
Muhamed Abd
Rashid bersama
anakny, Siti
Hadibah Mohd
Hafez, 10,
menunggu jenazah
suaminya, Mohd
Hafez di
pekarangan
Rumah Mayat
Hospital Kampar,
semalam.

Rakan taulan dan sanak saudara menyempurnakan sembahyang jenazah di Rumah Mayat Hospital Kampar, semalam.



Huzaini Mohd Shafie sedih ketika menunggu jenazah bapanya, Mohd Shafie di Rumah Mayat Hospital Kampar, semalam.



Kereta Proton
Iswara
terperosok
dalam
longkang
selepas
dirempuh
treler yang
terbalik.